

Azithromycin-HEC[®] 250mg Film-Coated Tablet

Azithromycin-HEC[®] 500mg Film-Coated Tablet

Azithromycin dihydrate bersamaan azithromycin (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Azithromycin-HEC
2. Bagaimana Azithromycin-HEC berfungsi
3. Sebelum mengambil Azithromycin-HEC
4. Cara menggunakan Azithromycin-HEC
5. Semasa menggunakan Azithromycin-HEC
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Azithromycin-HEC
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Azithromycin-HEC

Azithromycin-HEC digunakan untuk mengubati beberapa jangkitan termasuk:

- Jangkitan paru-paru, sinus, dan tekak.
- jangkitan kulit dan tisu lembut
- Jangkitan telinga
- Rawatan jangkitan bahagian kelamin (contohnya, *Chlamydia trachomatis*, *chancroid*, *Neisseria gonorrhoeae*)

Bagaimana Azithromycin-HEC berfungsi

Azithromycin adalah antibiotik makrolida yang tergolong dalam kumpulan *azalide*. Mekanisma tindakan adalah berdasarkan penindasan sintesis *protein* bakteria.

Sebelum mengambil Azithromycin-HEC

- Bila tidak boleh mengambil
- Sekiranya anda alah kepada *azithromycin*, *erythromycin*, apa-apa makrolida atau antibiotik *ketolide*, atau mana-mana bahan lain ubat ini.
- Sekiranya anak-anak anda kurang daripada 45kg

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Azithromycin-HEC jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Azithromycin-HEC jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil tablet Azithromycin-HEC

- Jika anda mempunyai penyakit jantung
- Jika anda mengalami masalah buah pinggang
- Jika anda mempunyai masalah hati
- Jika anda mempunyai *myasthenia gravis* (kelemahan dan keletihan dari mana-mana otot)
- Jika anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit atau alahan/masalah kulit
- Jika anda mengambil ubat yang terdiri daripada *ergot alkaloid*
- Jika anda mempunyai tanda jangkitan yang lain
- Jika anda cirit-birit

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sangat penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- Ubat yang terdiri daripada *ergot*
- *Antacid* (untuk gastrik). Azithromycin-HEC perlu diambil sekurang-kurangnya satu jam sebelum atau dua jam selepas anda mengambil *antacid* anda.
- *Digoxin* (untuk penyakit jantung)
- *Zidovudine* (untuk HIV)
- *Astemizole* (untuk merawat gejala alahan), *alfentanil* (untuk melegakan kesakitan)
- *Atorvastatin* (untuk kolesterol tinggi)
- *Cisapride* (untuk gastrik)
- *Warfarin* (penipisan darah)
- *Ciclosporin* (untuk pemindahan organ)
- *Rifabutin* (antibiotik untuk batuk kering)
- *Terfenadine* (untuk merawat gejala alahan)
- *Fluconazole* (ubat untuk jangkitan kulat)

Cara menggunakan Azithromycin-HEC

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Azithromycin-HEC boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

Dos biasa adalah satu tablet (500mg atau 250mg) diambil satu kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya yang teruk, muntah dan cirit-birit serta

kehilangan pendengaran yang boleh dipulih. Semasa menggunakan Azithromycin-HEC - <u>Perkara yang perlu dilakukan</u> Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan <i>Azithromycin-HEC</i>. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini. - <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u> Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi <i>Azithromycin-HEC</i> dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai gejala atau penyakit yang sama. - <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u> Tindakbalas alahan yang serius dengan pembengkakan muka, mulut dan tekak (kadang-kadang maut) jarang dilaporkan. Sekiranya gejala tersebut berlaku, berhenti mengambil <i>Azithromycin-HEC</i> dan segera hubungi doktor anda. Antibiotik boleh menyebabkan cirit-birit, yang mungkin menandakan keradangan usus serius. Jika anda mempunyai cirit-birit yang berair atau berdarah, hubungi doktor anda. Jangan gunakan sebarang ubat untuk menghentikan cirit-birit melainkan doktor anda telah memberitahu anda. Kesan-kesan sampingan Seperti ubat-ubatan lain <i>Azithromycin-HEC</i> boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.	Kesan sampingan yang sangat biasa termasuk cirit-birit, sakit perut, loya, dan kentut (angin). Kesan sampingan yang biasa termasuk pening, sakit kepala, sensasi kesemutan atau berduri, perubahan rasa, perubahan penglihatan, kehilangan pendengaran, muntah, kehilangan selera makan, ruam, gatal, sakit sendi, keletihan, dan pengurangan atau peningkatan sel darah tertentu. Jika anda mendapati bahawa kanak-kanak itu muntah dan / atau mudah marah semasa makan, hubungi doktor dengan segera kerana mungkin disebabkan <i>Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS)</i>. <i>Azithromycin-HEC</i> boleh menyebabkan alahan teruk dan tindakbalas kulit yang serius. Berhenti menggunakan <i>Azithromycin-HEC</i> dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut: • Kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web http://npra.moh.gov.my (Orang Awam → Laporan Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)) Cara penyimpanan dan pelupusan <i>Azithromycin-HEC</i> - <u>Penyimpanan</u> Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. - <u>Pelupusan</u> Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.	Maklumat lanjut - <u>Rupa dan warna produk</u> <i>Azithromycin-HEC 250 mg film-coated tablets</i> Putih atau hampir putih, tablet bersalut filem yang berbentuk kapsul, bertuliskan "S19" pada satu muka dan tak ada apa-apa pada muka yang lain. <i>Azithromycin-HEC 500 mg film-coated tablets</i> Putih atau hampir putih, tablet bersalut filem yang berbentuk kapsul, bertuliskan "S5" pada satu muka dan bergarisan pada muka yang lain. - <u>Bahan-bahan kandungan</u> - Bahan aktif - <i>Azithromycin dihydrate equivalent to azithromycin</i> - Bahan tidak aktif <i>microcrystalline cellulose</i> <i>croscarmellose sodium</i> <i>hypromellose</i> <i>magnesium stearate</i> <i>colloidal silica, anhydrous</i> <i>sodium lauryl sulphate</i> <i>pregelatinised starch</i> <i>Opadry Y-1-7000 white</i> <i>(hypromellose, macrogol 400 titanium dioxide)</i> - <u>Nombor MAL</u> MAL**** MAL**** Pengilang Sunshine Lake Pharma Co., Ltd. Northern Industry Road 1#, Song Shan Lake, DongGuan, GuangDong Province, 523808, P.R. China Pemegang Pendaftaran Produk Medispec (M) Sdn Bhd. 55 & 57, Lorong Sempadan 2, 11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia Tarikh kemaskini RiMUP 17.10.2018 Nombor Siri NPRA
--	---	---